

# UMS mahu pelajar kumpul duit 1 sen

Oleh SITI AISYAH NARUDIN

aisyahub@gmail.com  
UB 27/10/2011 B3

KOTA KINABALU: Walaupun duit syiling 1 sen dianggap tidak mempunyai nilai, namun jika dikumpulkan ia mampu menjadikan seseorang itu sebagai jutawan.

Dekan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Madya Dr Arsiah Bahron berkata dengan mengumpul duit 1 sen juga, kita dapat belajar untuk menghargai nilai duit berkenaan.

Inikerdan duit 1 sen sekarang bukan mudah dicari apatah lagi mengumpulkannya hingga mencapai nilai puluhan ringgit.

Justeru, jelasnya, masyarakat khususnya pelajar sebagai generasi muda perlu memiliki kesedaran untuk menghargai nilai duit syiling walaupun hanya 1 sen.



ARSIAH

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan majlis Pelancaran Projek 1 sen dan 5 sen anjuran pelajar Kursus Ekonomi Kewangan dan Sumber Manusia SPE, UMS di sini kelmarin.

Menurut Arsiah, pelancaran projek itu bukan sahaja sebagai satu langkah untuk menimbulkan kesedaran khususnya dari kalangan mahasiswa UMS, malah ia juga membantu mereka



VIVIN

menguruskan kewangan dengan lebih baik.

“Projek ini akan dilaksanakan dalam tiga fasa yang mana pada fasa pertama kita akan menganjurkan kempen kesedaran seperti ceramah dan bengkel untuk memberi pemahaman tentang objektif dan kebaikan projek ini.

“Kami juga akan menjemput wakil pegawai dari Bank Negara untuk

memberi penerangan melalui ceramah kepada para pelajar yang terlibat,” katanya.

Arsiah berkata, pada fasa kedua, aktiviti mengumpul duit syiling 1 dan 5 sen akan dimulakan dan tumpuan pertama di kesemua 13 buah sekolah di UMS.

Jelasnya, apabila fasa kedua selesai, barulah fasa ketiga iaitu penyampaian sumbangan kepada semua pihak yang menderma syiling dimulakan.

Tambahnya, projek itu melibatkan pelajar tahun tiga bagi kedua-dua kursus terbabit dan ia akan dilaksanakan sepanjang semester ini iaitu lebih kurang empat bulan.

“Selain sekolah di UMS, kita juga akan bergerak ke sekolah-sekolah dan komuniti berdekatan kawasan UMS.

“Setakat ini, kita masih menunggu kelulusan daripada pihak kementerian untuk melaksanakan projek ini di



LANCAR...Arsiah (tiga kiri) bersama tetamu jemputan lain dan pelajar ketika majlis pelancaran projek itu kelmarin.

sekolah-sekolah sekitar UMS dan kami berharap ia dapat dilaksanakan dalam masa terdekat ini,” katanya.

Arsiah berkata, mereka yang menderma duit syiling turut mendapat insentif iaitu jika jumlah yang didermakan mencapai nilai RM3, mereka akan mendapat kupon makanan daripada Restoran BTC bernilai RM5.

Sementara itu, Penyelaras Projek, ViVin Vincent Chandran A/L Munusamy berkata idea asal untuk mengumpul duit syiling 1 sen itu timbul sejak empat tahun lepas apabila beliau menonton rancangan wawancara bersama Oprah Winfrey.

“Daripada rancangan itu,

saya melihat kejayaan pelajar sekolah menengah yang berusaha mengumpul duit syiling 1 sen dan melaksanakan pelbagai aktiviti dengan menggunakan wang yang terkumpul.

“Justeru, saya terfikir, kalau pelajar sekolah menengah mampu melaksanakannya, kanapa pula pelajar universiti tidak boleh melakukannya perkara yang sama,” katanya.

Beliau berkata, kalau boleh, pihaknya mensasarkan jumlah wang RM10,000 hingga RM20,000 yang boleh dikumpul melalui projek itu.

Sehubungan itu, pihaknya mahu menggiatkan usaha dengan melibatkan kesemua

pelajar UMS untuk menjayakan projek pertama itu.

“Kita bukan sahaja mahu mengajar mereka tetapi mahu memberi bantuan kepada komuniti di luar UMS yang mana dengan adanya wang yang mereka kumpul, kita boleh menggantikannya dengan keperluan yang mereka mahu.

“Sebagai contoh, jika mereka mampu kumpul hingga RM3,000 nilai duit syiling, kita mungkin boleh memberikan sebuah komputer riba atau kemudahan yang mempunyai nilai yang setaraf dengan jumlah wang yang dikumpul,” jelasnya.